

Binge on Disney+ and Netflix on us plus enjoy Free 10Gbps Broadband StarHub SIGN UP

SINGAPURA

Peranan hakim dan cabaran mereka dibincangkan Forum Mahkamah Syariah

Anggaran Waktu Membaca: 3 min



(Gambar: Nur Arina Ahmad Anis)



NUR ARINA AHMAD ANIS Diterbitkan : 02 Aug 2024 07:30PM

Aa [font size icons]

SINGAPURA: Buat julung-julung kalinya, Mahkamah Syariah menganjurkan sebuah forum untuk mengupas isu berkenaan perlindungan anak-anak dan keganasan dalam keluarga serta proses dan peranan hakim.

Forum yang bertemakan 'Ikatan Yang Menyatukan' itu bertujuan menggabungkan perspektif pelbagai bidang daripada tiga golongan karyawan iaitu pengamal undang-undang, pakar sains sosial dan asatizah untuk terus mengukuhkan lagi institusi rumah tangga pasangan Muslim di negara ini.

IKLAN

Lebih 150 peserta daripada kalangan pengamal undang-undang, pakar sains dan asatizah telah menghadiri forum yang diadakan pada Khamis (1 Ogos).

Para panelis forum itu terdiri daripada Presiden dan pegawai Mahkamah Syariah, anggota panel Hakim Mahkamah Syariah dan pegawai dari unit Kaunseling Mahkamah Keadilan Keluarga dan Unit Khidmat Perlindungan Anak Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF).

PELUANG TINGKATKAN KEUPAYAAN PARA HAKAM

Forum itu dibahagikan kepada dua sesi dan dalam sesi pertama, peranan hakim dibincangkan dengan lebih mendalam.

Hakam merupakan asatizah yang dilantik Mahkamah Syariah di bawah Akta Pentadbiran Hukum Islam (AMLA) 1966 untuk menyelesaikan pertikaian rumahtangga bagi pasangan yang mahu bercerai.



IKLAN

Tahun lalu, Mahkamah Syariah telah melancarkan rangka kerja latihan dan penilaian berstruktur dinamakan H.I.K.M.A.H yang bertujuan menyokong para hakim dalam menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan dan sempurna.


Menurut Ketua bersama Jawatankuasa Penganjur forum Mahkamah Syariah, Lidia Syahindah Mohd Maliki forum tersebut turut membantu dalam membina keupayaan para hakim di Mahkamah Syariah.

IKLAN

"Setahun selepas pelancaran H.I.K.M.A.H para hakim kami bukan sahaja menyumbang dalam peranan mereka dalam proses penceraian tetapi juga dalam forum hari ini, berperanan sebagai fasilitator dan sebagai penyampai. Praktis forum ini merupakan satu contoh usaha mahkamah untuk terus meningkatkan keupayaan para hakim kami.

"Ia memberi mereka peluang untuk menyumbang kepada pendidikan dan kongsi pengetahuan serta pengalaman mereka sebagai hakim dan asatizah bersama golongan lain seperti peguam, kaunselor dan asatizah yang lain," jelas Cik Lidia kepada wartawan Nur Arina Ahmad Anis.

Selain daripada perkongsian oleh anggota panel, para peserta juga dapat menyertai sesi 'main peran' di mana mereka berpeluang untuk cuba menjadi hakim.



Ini termasuk perbincangan interaktif tentang kajian kes seperti kes-kes yang melibatkan keganasan keluarga atau perlindungan anak.

IKLAN

Menerusi aktiviti itu, para peserta berpeluang memahami peringkat yang berbeza dalam sesi hakim serta perspektif para hakim.

Anggota Panel Hakim Mahkamah Syariah, Ustaz Irwan Shah Sudiman menekankan bagaimana seorang hakim itu berperanan dalam meneroka kemungkinan perdamaian antara pihak yang mahu bercerai dan cuba menggalakkan mereka berbaik semula.


"Peranan kami adalah cuba mencari ruang sedapat mungkin untuk memperbaiki hubungan mereka sekiranya memperbaiki dan juga bersama kembali itu adalah pilihan yang terbaik. Namun pada waktu yang sama, kita perlu menerima ia dan mengakui ada kala pernikahan itu memang sudah tidak mampu diselamatkan dan boleh jadi perpisahan itu adalah jalan yang terbaik. Bukan jalan pertama tetapi jalan yang terakhir," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga menekankan mengenai pentingnya penceraian secara baik kerana ia boleh membuka jalan kepada kedua-dua pihak untuk menyelesaikan isu lain seperti hal anak.

CABARAN YANG DIHADAPI PARA HAKAM

IKLAN

Menurut Ustaz Irwan, antara cabaran yang dihadapi para hakim adalah mengenal pasti Syiqaq - perbalahan berterusan yang boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga.



"Dalam kes-kes di mana perbalahan itu nampak jelas, itu ada kemudahannya jika dibandingkan dengan perbalahan yang tidak nampak kejelasannya boleh jadi kerana tersalah fahaman antara satu sama lain ataupun salah erti dalam pemahaman mereka ataupun faktor-faktor yang lain.

"Jadi ini merupakan antara cabaran yang besar untuk kami letakkan memahami Syiqaq itu kerana ia akan berkesan sama ada pihak defendan akan melafazkan perpisahan ataupun sebaliknya," jelas Ustaz Irwan

Beliau juga berharap menerusi forum yang diadakan serta sesi main peranan itu dapat memberi peluang kepada para peguam, pakar sains sosial, kaunselor dan sebagainya lebih memahami proses dan cara para hakim mengendalikan situasi-situasi tertentu.

Katanya, peluang sebegitu amat penting supaya mereka faham peranan masing-masing dan cara terbaik mereka dapat membantu dan menyelesaikan masalah yang berlaku dalam rumah tangga.

"Setiap kami ada kekurangan masing-masing. Jadi daripada sesi main peranan ini, kami dapat belajar antara satu sama lain, mengambil amalan-amalan terbaik dan melihat kekurangan serta kelemahan kami yang kita boleh mementingkan," kata Ustaz Irwan sudah berkhidmat sekebahagian seorang hakim lama pertengahan.

Forum yang diadakan di Hotel Furama Riverfront itu dihadiri 155 orang.

Sumber : BERITA Mediacorp/ha

Anda suka apa yang anda baca? Ikuti perkembangan terkini dengan mengikuti kami di Facebook, Instagram, TikTok dan Telegram!

Ikuti perkembangan kami dan dapatkan Berita Terkini. Langgani buletin emel kami. Form with 'Emel' field and 'Hantar' button.

IKLAN

Lebih banyak artikel Berita



Recommended by outbrain

Advertisement: Reward your business \$1,100 TRAVEL REWARDS & \$8,850 BUSINESS SAVINGS. American Express. Apply Now

Advertisement: Only \$49 to get all the TV channels? It's now possible Smart TV. Image of a smart TV remote.

Advertisement: [Images] It was the most inappropriate dress on the red carpet of the VMA. Medicare Trend

Advertisement: Warga SG mohon maaf kepada Agong; diarah bayar RM30,000 kerana musnahkan harta benda awam

IKLAN

Footer menu table with categories: Terkini, Dunia, Nadi Kampus, Kewangan, Sukan, Tonton, Ria 89.7FM and sub-categories: Singapore, Komentar, Jelajah, Gaya Hidup, Hiburan, Dengar, Warna 94.2FM, Mengenai Mediacorp, Dasar Privasi, Hubungi Kami, Syarat & Penggunaan Mediacorp, Iklan Bersama Kami, Mediacorp Digital Network

LANGGAN BERSAMA KAMI

Dapatkan berita terkini secara percuma ke emel anda. Sila berikan emel anda di bawah:

Form with 'Emel' field and 'Hantar' button.

Dengan mengklik hantar, saya bersetuju data peribadi saya boleh digunakan untuk menghantar artikel dari Berita, tawaran promosi dan juga untuk penyelidikan dan analisis.

